

13 AUG 1954

Ⓟ Dr. M.

ASEAN: PM sokong permohonan Kemboja

KUALA LUMPUR 17 Ogos
— Perdana Menteri, Datuk
Seri Dr. Mahathir Moha-
mad telah bersetuju untuk
menyokong permohonan
rasmi Kemboja tidak lama
lagi bagi menyertai ASE-
AN.

Menteri Luar, Datuk Ab-
dullah Ahmad Badawi ber-
kata, Dr. Mahathir membe-
ri jaminan itu kepada
Perdana Menteri Pertama
Kemboja, Putera Norodom
Ranariddh dalam pertemu-
an mereka di Jabatan Per-
dana Menteri di sini hari
ini

“Kerajaan Kemboja juga
dimaklumkan sedang
membuat persiapan untuk
terlibat dalam Perjanjian
Persahabatan dan Kerjasa-
ma Bali iaitu satu perjanji-
an untuk membuka jalan
bagi negara itu menyertai
ASEAN.

“Malaysia akan membu-
at segala yang perlu bagi
membawa Kemboja ke da-
lam keluarga ASEAN,” ka-
tanya.

Beliau berkata demikian
kepada pemberita selepas
menghadiri perbincangan
itu yang berlangsung sela-
ma dua jam.

Ranariddh bersama rom-
bongannya sebanyak 30
orang kini berada di negara
ini untuk lawatan rasmi
selama lima hari.

Menurutnya, Ranariddh
juga telah memaklumkan
kepada Dr. Mahathir baha-
wa Raja Norodom Sihan-
nouk tidak lagi menentang
cadangan Kemboja untuk
menyertai ASEAN.